

Tambang dalam laman web didakwa tidak memaparkan kadar sebenar

AirAsia disaman kerana tambang

KOSMO 25/11/12 MS 2



SEBUAH pesawat Airbus A330 AirAsia X dalam penerbangan. Kempen tambang murah syarikat itu di Internet mencetuskan kontroversi apabila ada pihak mendakwa ia bukan kadar sebenar.

SYDNEY – AirAsia semalam menerima tumpukan menerusi satu tuntutan undang-undang daripada pihak berkuasa peraturan Australia yang mendakwa syarikat penerbangan bajet itu gagal mendedahkan harga penuh tambang penerbangan di laman webnya.

Syarikat penerbangan berpangkalan di Malaysia itu yang menyediakan penerbangan antarabangsa keluar dari Australia menerusi Gold Coast, Melbourne dan Perth dinamakan dalam dokumen yang dikemukakan di Mahkamah Persekutuan Australia di Melbourne.

Suruhanjaya Pengguna dan Persaingan Australia (ACCC) yang merupakan badan pemantau pengguna di negara berkenaan mendakwa, tindakan undang-undang itu difailkan minggu lalu berikutan tambang yang tertera di laman web AirAsia memabitkan beberapa laluan tidak memaparkan harga selepas cukai, duti, yuran dan lain-lain caj.

“Perniagaan yang memilih

untuk mengiklan hanya sebahagian harga untuk sesuatu produk atau perkhidmatan itu mestilah juga menetapkan kadar harga penuh,” tegas agensi berkenaan dalam satu kenyataan media semalam.

ACCC mendakwa laluan yang dimaksudkan melibatkan penerbangan dari Melbourne ke beberapa buah bandar raya termasuk London, New Delhi dan Hangzhou di China.

Tambahnya, penerbangan lain ialah dari Gold Coast ke beberapa destinasi popular seperti Taipei, Taiwan dan Phuket, Thailand.

Kes tersebut akan didengar pada 2 Mac depan dengan ACCC memohon injunksi bagi menghalang AirAsia daripada meneruskan kempen tambang mereka yang didakwa mengelirukan itu di Internet.

Ia juga memohon perintah mahkamah agar AirAsia menyiarkan notis pembedahan di laman web berhubung perbuatan tersebut.

Setakat semalam, pihak pengurusan AirAsia gagal dihubungi bagi mengulas isu berkenaan.

Selepas tiga pangkalan itu, AirAsia menerusi sayap penerbangan jauhnya, AirAsia X dijangka menambah pang-

Laluan AirAsia yang menjadi pertikaian



kalan keempatnya iaitu Sydney bermula April ini untuk penerbangan ke Kuala Lumpur menggunakan pesawat Airbus A330.

Perluasan operasi itu yang diumumkan pada minggu lalu adalah hasil kejayaan mereka melobi untuk mendapatkan hak penerbangan di laluan yang menguntungkan itu sejak empat tahun lalu.